

Headline	TNB dapat kelulusan EC bagi projek di Langat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,431
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,293



TNB dapat kelulusan EC bagi projek di Langat

KUALA LUMPUR 21 Dis. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerima surat setuju terima tawaran daripada Suruhanjaya Tenaga (EC) untuk membangunkan 50 megawatt (mW) loji tenaga solar fotovoltaik berskala besar di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat, Selangor.

Syarikat itu memberitahu, surat diterima selepas melalui proses bidaan yang kompetitif dikendalikan EC.

“Penerimaan surat ini memerlukan TNB memenuhi tuntutan tertentu termasuk selesai rundingan dan pelaksanaan dokumen projek sebelum EC mengeluarkan surat tawaran rasmi untuk projek berkenaan,” menurutnya dalam makluman kepada Bursa Malaysia di sini hari ini.

TNB mencatatkan untung selepas cukai sebanyak RM7.32 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016 berbanding RM6.06 bilion yang direkodkan



AZMAN MOHD.

bagi tempoh sama tahun sebelumnya, sementara pendapatan sebanyak RM44.53 bilion.

Dalam tempoh lebih setahun lalu, syarikat utiliti negara itu telah melakukan dua pelaburan strategik berbentuk pegangan ekuiti di Turki dan India, selain mempunyai operasi di beberapa negara Asia Barat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. berkata, walaupun syarikat itu menumpukan pasaran berkembang pesat seperti India dan Turki, namun TNB tidak akan mengabaikan potensi pelaburan di negara-negara maju kerana mempunyai sistem perundangan yang lebih matang.